

12 SEP 1999

Ramos-Lawat

BEKAS PRESIDEN FILIPINA LAWAT PAHANG

KUANTAN, 12 Sept (Bernama) -- Bekas Presiden Filipina Fidel Ramos tiba hari ini untuk lawatan sehari ke Pahang.

"Lawatan saya, atas jemputan Kerajaan Negeri Pahang, bertujuan meningkatkan hubungan ekonomi, pelaburan, kerjasama perdagangan dan pertukaran kebudayaan," kata Ramos selepas mengunjungi Menteri Besar Datuk Adnan Yaakob di sini.

Ramos berkata Pusat Pahang bagi Pengajian Melayu di Philippines dan Mindanao State University (MSU) adalah manfaat daripada peningkatan interaksi antara institusi-institusi pendidikan di Asia Tenggara.

Menurutnya pada pertemuan itu mereka juga bertukar-tukar pandangan mengenai keadaan ekonomi masing-masing, hubungan Malaysia-Filipina dan isu-isu serantau dan antarabangsa.

Katanya berdasarkan inisiatif Filipina, Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA) Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP) diwujudkan pada tahun 1993 bagi membuka bidang dan peluang-peluang baru pertukaran ekonomi, sosial dan kebudayaan di kalangan empat negara itu.

Ramos yang melawat Malaysia selama empat hari juga akan membuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pusat pentadbiran baru kerajaan di Putrajaya serta melawat bandar raya pintar, Cyberjaya pada hari Rabu.

Beliau juga akan mengunjungi Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob esok dan dijangka berucap mengenai "Masa depan Asia Tenggara pada Abad ke-21" di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) di Gombak keesokan harinya.

Ramos diiringi Ahli Kongres, Benasing Macarambon Jr dan pemimpin-pemimpin lain.

Sementara itu, Adnan berharap lawatan itu akan memperbaharui hubungan antara Pahang dan Filipina dan kedua-dua pihak dapat mewujudkan peluang-peluang yang boleh disertai Pahang termasuk melaksanakan projek usahasama.

-- BERNAMA

SHS LAT